



SIARAN MEDIA
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

**PELUANG PENERBITAN DAN PENULISAN DALAM BIDANG SAINS
DAN TEKNOLOGI DAPAT DITEROKAI DENGAN LUAS DALAM
MENYEMARAKKAN SEMANGAT KARYAWAN UNTUK LEBIH
PRODUKTIF**

MELAKA, 28 Jun 2022 – Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik 2022 adalah acara tahunan anjuran Agensi Nuklear Malaysia dengan kerjasama dan Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) serta di sokong oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) , Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan Majalahsains.com. Majlis Perasmian disempurnakan oleh YBrs. Dr. Abdul Rahim bin Harun, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia.

Tema seminar kali ke – 13 penganjurannya dan pertama kali dijalankan secara hybrid ini adalah "Menyemarakkan Penulisan dalam bidang Sains dan Teknologi". Tema ini relevan dengan konsep bahawa tanpa penulisan, ilmu pengetahuan mengenai sains dan teknologi tidak sampai kepada masyarakat umum. Ini adalah kerana sains dan teknologi memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan kemajuan negara. Sehubungan itu, dengan penulisan dan penerbitan, ianya dapat

memantapkan lagi karya yang tersohor serta membina profesionalisme dalam bidang penerbitan saintifik. Ini besesuaian dengan harapan dan hasrat kita untuk melihat penerbitan di Malaysia terus maju dengan karya-karya asli, berintegriti dan berkualiti tanpa dinodai dengan unsur-unsur negatif.

Topik-topik yang dibentangkan oleh tokoh-tokoh yang diiktiraf dan pakar dalam bidang penulisan dan penerbitan saintifik dengan mengupas dunia penulisan serta penerbitan hari ini yang merangkumi cabaran, hak cipta, undang-undang, peranan dan masa hadapan penerbitan saintifik.

Penulisan dan penerbitan karya saintifik adalah berbeza dengan penulisan fiksiyen dan bukan fiksiyen kerana ianya lebih berbentuk formal dan perlu memenuhi beberapa prasyarat bagi melayakkannya dikategorikan sebagai penulisan karya saintifik. Contoh utama karya saintifik adalah tesis ataupun disertasi yang melalui kaedah penyelidikan dan tiada unsur emosi di dalam kandungan penjelasannya kerana ianya mesti mengikut logik serta ditulis menggunakan Bahasa Melayu yang tinggi.

Nuklear Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menjalinkan kerjasama strategik serta saling melengkapi antara satu sama lain dalam bidang penerbitan saintifik. Nuklear Malaysia menjana ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam sains dan teknologi nuklear melalui aktiviti penyelidikan manakala DBP pula mempunyai kepakaran dan kemampuan untuk menerbitkannya dan disebar kepada khalayak ramai seterusnya disimpan sebagai salah satu aset penting.

YBrs. Dr. Abdul Rahim bin Harun, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia percaya dengan adanya seminar ini, ianya dapat terus menyuburkan semangat penulis untuk terus berkarya di samping dapat menggilap bakat penulis yang baru serta mempertingkatkan prestasi penerbitan saintifik yang dinamik, kreatif dan berilmu standing dengan penerbitan antarabangsa.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
PEJABAT KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

Pertanyaan lanjut:

Pn. Norliza Abdul Mihat (012-2351824)
Ketua Unit Komunikasi Korporat
norliza_a@nuclearmalaysia.gov.my